



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/1 Jld. 11 (131)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 10/2025

SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN ELAUN MEMANGKU DAN ELAUN MENANGGUNG KERJA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan sebagai garis panduan pembayaran elaun memangku dan elaun menanggung kerja kepada seseorang pegawai yang dilantik dan menjalankan tugas memangku atau menanggung kerja jawatan yang lain selaras dengan Peraturan 52 dan 53, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

LATAR BELAKANG

2. Syarat-syarat pembayaran elaun memangku dan menanggung kerja dan syarat bercuti semasa memangku atau menanggung kerja pada masa ini adalah berdasarkan Peraturan 108 dan 112, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

“SABAH MAJU JAYA”

3. Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah baik syarat-syarat pembayaran elaun memangku dan elaun menanggung kerja selaras dengan Perenggan 25, Ceraian UP.3.1.1 dan Perenggan 12, Ceraian PO.1.1.6, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Persekutuan) Versi 1.0 (2022).

TAFSIRAN

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Pegawai” bermaksud semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya;

“Memangku” bermaksud pelaksanaan tugas satu jawatan yang lebih tinggi bagi sesuatu tempoh masa dengan meninggalkan jawatan hakikinya; dan

“Menanggung Kerja” bermaksud pelaksanaan tugas suatu jawatan lain daripada jawatan hakikinya oleh seseorang pegawai di samping melaksanakan tugas-tugas jawatannya sendiri.

SYARAT PEMBAYARAN ELAUN MEMANGKU

5. Pegawai yang dilantik dan menjalankan tugas jawatan lain mengikut Peraturan 52, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 layak dibayar elaun memangku mengikut syarat-syarat seperti berikut:

- (a) pegawai hendaklah memangku selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti rehat mingguan dan kelepasan am. Dalam tempoh pemangkuan ini, pegawai boleh mengambil cuti rehat atau cuti tanpa rekod atau cuti sakit secara terkumpul yang **tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja** bagi tempoh dua puluh lapan (28) hari pertama; dan

“SABAH MAJU JAYA”

- (b) seseorang pegawai yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan di perenggan 5 (a) dan kemudian meninggalkan jawatan yang dipangkunya selama dua puluh lapan (28) hari atau lebih berturut-turut termasuk hari cuti rehat mingguan dan hari kelepasan am, maka pegawai berkenaan **tidak layak** dibayar elaun memangku bagi tempoh tersebut.
- (c) walau apapun peruntukan di perenggan 5(b), pegawai masih layak dibayar elaun memangku dalam keadaan berikut:
 - (i) menghadiri kursus yang diarah oleh Kerajaan;
 - (ii) meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan Kerajaan; atau
 - (iii) dibenarkan bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit dengan syarat tempoh tersebut tidak melebihi sembilan puluh dua (92) hari berturut-turut termasuk hari cuti rehat mingguan dan hari kelepasan am.

6. Elaun memangku hendaklah dikira semula pada tiap-tiap kali tarikh pergerakan gaji tahunan ataupun pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.

SYARAT PEMBAYARAN ELAUN MENANGGUNG KERJA

7. Pegawai yang dilantik dan menjalankan tugas jawatan lain mengikut Peraturan 53, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 layak dibayar elaun menanggung kerja tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) telah melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja selama **dua puluh lapan (28) hari berturut-turut** termasuk hari cuti rehat mingguan, hari kelepasan am, cuti rehat atau cuti tanpa rekod atas sebab-sebab kecemasan dan cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada **lima (5) hari bekerja**;

- (b) seseorang pegawai yang sedang menanggung kerja tetapi kemudiannya meninggalkan tugas jawatan yang ditanggung kerja itu selama **empat belas (14) hari atau lebih berturut-turut** termasuk hari cuti rehat mingguan dan hari kelepasan am, maka pembayaran elaun menanggung kerja hendaklah dihentikan; dan
- (c) seseorang pegawai yang pernah diluluskan menanggung kerja dan kemudiannya diluluskan **menanggung kerja jawatan yang sama**, boleh dibayar elaun menanggung kerja sekiranya tempoh penangguhan kerja kali kedua dan seterusnya tidak kurang **empat belas (14) hari berturut-turut** termasuk hari cuti rehat mingguan dan hari kelepasan am. Bagi maksud perenggan ini, “jawatan yang sama” bermaksud jawatan yang pernah ditanggung kerja sebelumnya.

TARIKH KUAT KUASA

- 8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

PINDAAN

- 9. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka:
 - (a) syarat-syarat pembayaran elaun memangku dan menanggung kerja seperti di Peraturan 108, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008; dan
 - (b) syarat bercuti semasa memangku atau menanggung kerja seperti di Peraturan 112, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008,adalah dipinda seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

“SABAH MAJU JAYA”

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **13 JUN 2025**

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”